

**KERTAS KERJA UNTUK PERTIMBANGAN MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN BAGI PEKERJA-PEKERJA
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**CADANGAN UNTUK ELAUN ATAU BAYARAN PANGGILAN
TELEPON BIMBIT PEGAWAI/PAKAR PERUBATAN GRED UD 54**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk memohon pertimbangan Kerajaan mengenai cadangan untuk elaun telefon bimbit atau bayaran panggilan telefon bimbit untuk pegawai/pakar perubatan UD54 di Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pertahanan.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Dalam zaman ini yang penuh dengan kecanggihan teknologi; system komunikasi adalah amat penting. Untuk memastikan, perhubungan di antara pihak hospital dan doktor adalah amat diperlukan. Kini kawasan hospital-hospital adalah amat luas dan kerap kali seorang pegawai perubatan/pakar ditugaskan luar dari kawasan hospital.

- 2.2 Walaupun, penggunaan telefon bimbit tidak dibenarkan di kawasan hospital, namun ia amat diperlukan bila berada di luar kawasan hospital untuk berhubung dengan anggota-anggota yang lain di hospital. Memandangkan kepada masalah trafik di kebanyakan bandar; seringkali seorang doktor perlu menggunakan telepon bimbit apabila menerima panggilan 'pager'. Adalah agak mustahil untuk mendapatkan perkhidmatan telefon awam semasa memandu di jalanraya yang penuh sesak dengan kenderaan.
- 2.3 Kos penggunaan telefon bimbit semakin meningkat terutamanya untuk panggilan yang kerap di waktu berkerja.. Kami peka kepada kesusahaan kerajaan untuk memberi ganjaran kewangan yang tinggi kepada pegawai perubatan dan pakar perubatan sahaja. Permohonan ini dapat membantu ramai doktor dari segi kos kehidupan harian.

3.0 ASAS PERTIMBANGAN

- 3.1 Kemudahan elaun atau bayaran telefon bimbit sebanyak RM 300 kepada pegawai-pegawai ini akan membantu meringgankan perbelanjaan harian.
- 3.2 Cadangan ini akan memberi manfaat kepada kerajaan secara langsung kerana elaun atau kemudahan pembayaran ini akan menjadi salah satu ganjaran dan menjadi salah satu perangsang untuk terus berkhidmat.

4.0 IMPLIKASI KEWANGAN

- 4.1 Jika kerajaan bersetuju menimbangkan permohonan ini sudah pasti ianya akan melibatkan pertambahan kewangan. Walaubagaimanapun, ini akan merupakan satu cara untuk meringgankan beban kewangan doktor.
- 4.2 Walau bagaimanapun, implikasi kewangan ini tidaklah begitu tinggi kerana pihak kerajaan boleh memberi kemudahan ini kepada doktor-doktor yang mempunyai kaitan dengan rawatan pesakit.

5.0 KESIMPULAN

- 5.1 Permohonan ini adalah untuk menyeru kerajaan memberi lebih insentif untuk pakar-pakar/doktor-doktor tempatan untuk berkhidmat sebagai pegawai perubatan atau pakar perubatan di kerajaan.

6.0 SYOR

- 6.1 Berdasarkan kepada penjelasan di atas, Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Pengurus dan Professional dipohon untuk menimbangkan syor untuk memberi elaun telefon bimbit sebanyak RM300 sebulan untuk pegawai/pakar perubatan UD54 di Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pertahanan.